

MYUniMAP
Edisi XXXVI
BERITA

CABARAN DALAM PENDIDIKAN TINGGI TUNTUT PERUBAHAN SECARA DINAMIK RAJA MUDA PERLIS

Oleh : Mohd Basri Basir

ARAU 27 Oktober - Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menitahkan bahawa cabaran dalam pendidikan tinggi menuntut perubahan secara dinamik bagi pembentukan kurikulum, mobiliti pengetahuan, piawai antarabangsa, pencapaian penyelidikan dan inovasi serta kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Demikian titah baginda ketika berkenan berangkat merasmikan 'Festival Konvokesyen Ke-13 (FESTKON13) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 2018 yang diadakan di Perkarangan Pusat Kejuruteraan, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra baru-baru ini.

Berangkat sama Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Tuanku Pro Canselor UniMAP. Keberangkatan tiba baginda berdua disambut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin dan Naib Canselor, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Pelbagai aktiviti menarik diaturkan oleh pihak penganjur iaitu Siswa Siswi UniMAP yang mendapat kerjasama padu daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) universiti bagi FESTKON13 ini. Selain program dalaman anjuran universiti, pentas utama festival itu yang berlangsung dari 24-29 Oktober juga dibuka untuk kehadiran orang ramai.

